

Pahang nafi Sungai Semantan jadi punca

Kuantan: Pencemaran di dua loji rawatan air (LRA) Langat dan Cheras, Selangor berkemungkinan berpunca dari lembangan Sungai Langat itu sendiri dan tidak ada kaitan dengan Sungai Semantan, Pahang.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang, Rosli Zul, berkata pihaknya sudah menjalankan siasatan terhadap dakwaan itu sebaik menerima laporan dan tidak menemui sebarang punca pencemaran bau yang boleh dikaitkan dengan Sungai Semantan hingga menjejaskan operasi dua LRA berkenaan.

"Kita terima aduan semalam (kelmarin) mengenai pencemaran bau dan punca yang berpotensi mengakibatkan perkara itu di sepanjang Sungai Semantan. Siasatan dan pemeriksaan dilakukan sebaik menerima laporan... kita dapati semuanya mematuhi had pelepasan dibenarkan.

Kualiti air dianalisis

"Maklumat kualiti air dihantar ke Sungai Langat dan dari pusat pelepasan air di Sungai Semantan juga dianalisis pihak operator loji.

"Kita dapati kualiti air adalah baik kecuali pada hari Jumaat antara jam 9 hingga 10 malam dan jam 5 pagi dan 8 pagi hari Sabtu... namun, kita belum mengenal pasti punca masalah (bau) itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Elizabeth Wong dalam media semalam.

Wong dalam kenyataannya mendakwa masalah pencemaran bau air dibekalkan di LRA Langat dan Cheras berpunca daripada aliran dari Sungai Semantan, Pahang.

Rosli berkata, sebarang rekod bacaan pencemaran air sungai hanya boleh diambil dan disahkan dalam tempoh 12 jam.

"Ini bermakna air yang dikesan berbau di Intake (pusat bacaan) Sungai Semantan pada jam 9 malam (Jumaat), sewajarnya diterima di LRA Langat pada jam 9 pagi (Sabtu)... sedangkan masalah bau dikesan lebih awal iaitu pada hari Jumaat lagi dan ia berterusan bagi tempoh yang lama.

"Begitu juga dengan nilai kepekatan bau yang diukur untuk air sungai oleh operator pusat bacaan di Sungai Semantan dan Sungai Langat juga menunjukkan perbezaan ketara yang jelas menunjukkan kepekatan bau di pusat bacaan Sungai Langat lebih (tinggi) berbanding di Sungai Semantan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan pencemaran bau air di LRA Langat dan Cheras tidak mempunyai kaitan secara khusus dari Sungai Semantan dan berkemungkinan berpunca dari Lembangan Sungai Langat atau kawasan lain di sepanjang aliran sungai itu.